



We will be conducting system maintenance from 21 Feb, 10pm to 22 Feb, 9am. Patrons will not be able to use NLB's digital services during this period.

Presiden, bekas jurulatih antara 27 penerima anugerah Persisi

Berita Harian, 24 August 1996, Page 28

Article also available on Microfilm Reel NL20778

Printer-Friendly Page

Presiden, bekas jurulatih antara 27 penerima anugerah Persisi

SILAT Oleh **YUSOFF A. RAHMAN**

PRESIDEN Persekutuan Silat Singapura (Persisi) mengetuai senarai 27 penerima anugerah dalam majlis ulang tahun Persisi ke-20 di Dewan Sukan Toa Payoh mulai 3 petang ini.

Abdul Rahman Ismail akan menerima anugerah tertinggi Persisi — Anugerah Pembina Pencak Silat — sebagai menghargai jasanya dalam pembangunan dan pembinaan silat di sini dan di peringkat antarabangsa.

Beliau telah menjadi Presiden Persisi sejak 1990.

Bagaimanapun, penglibatan beliau dalam sukan ini bermula sejak 1980-an. Selain itu, beliau juga adalah antara pengasas Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat).

Jasa bekas jurulatih nasional yang berkhidmat hampir 10 tahun, Hosni Mohamed, yang dua anaknya pernah menjadi juara dunia — Badariah dalam 1992 dan Hidayat dalam 1994 — turut dihargai.

Kini berusia 72 tahun, Hosni, yang lebih dikenali dengan panggilan Wak Hosni, akan menerima Anugerah Wira Silat.

Senarai penerima anugerah itu telah diumumkan oleh Setiausaha Agung Persisi, Ja-

maludin Jamil, semalam.

“Inilah kali pertama Persisi mengadakan sambutan ulang tahunnya dan sempena itu, kami mengambil kesempatan ini untuk menghargai jasa tokoh-tokoh silat di sini,” jelas Jamaludin sambil merakamkan terima kasih kepada Persatuan Rakyat (PA) dalam usaha membantu mengembangkan silat di sini.

Menurutnya, sebuah jawatankuasa khas yang dipengerusikan oleh Sayuti Hussein telah dibentuk untuk meneliti dan kemudian menamakan pemenang pelbagai anugerah itu. Mereka telah mula mengadakan mesyuarat sejak Mei lalu.

Lain-lain penerima anugerah termasuk Suib Selamat, Hussein Kaslan dan Mokti Asnapi (Tokoh Silat); Allahyarham Johari Uriff, Ismaon Ali, Mohamed Seain Madsom, Mohamed Kaspari, Sarkawi Maksom dan Arif Zahari (Jasawan Silat).

Menjelaskan aturcara majlis ini nanti, Setiausaha Persisi memberitahu satu perhimpunan raksasa yang melibatkan 19 perguruan akan diadakan selama tiga jam. Pelbagai pertunjukan akan diadakan semasa perhimpunan tersebut.

Turut menyerikan majlis itu nanti ialah Anggota Parlimen GRC Ang Mio Kio, Encik Umar Hamid.